

Headline	Yakin capai sasaran kutipan dana RM1 bilion		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	12	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	99 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,730
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,190



Yakin capai sasaran kutipan dana RM1 bilion

Putrajaya: Tabung Pendidikan Persatuan Alumni Universiti Teknologi MARA (UiTM) mampu mencapai sasaran kutipan dana RM1 bilion menjelang hujung tahun ini.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata jumlah sasaran itu bukanlah satu angka yang besar untuk satu tabung dana pendidikan.

Beliau yang juga penaung tabung berkenaan berkata, UiTM juga mempunyai 530,000 alumni yang mampu menyumbang, selain sumbangan daripada sektor korporat.

“Setiap universiti hebat perlu mempunyai dana pembiayaannya sendiri, seperti Universiti Harvard yang mempunyai dana pembiayaan berjumlah RM100 bilion.

“Dana ini nanti akan digunakan untuk memajukan bidang pendidikan secara keseluruhannya termasuk pembiayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D), selain biasiswa kepada pelajar Bumiputera,” katanya selepas menyaksikan Penyerahan Dana Pendidikan UiTM, semalam. Turut hadir, Pengerusi Persatuan Alumni UiTM, Datuk Zaini Hassan.

Idris yang mencetuskan idea penubuhan tabung itu Februari lalu, berkata walaupun baru diwujudkan, kutipan tabung kini mencecah RM150,000.

“Jika purata setiap ahli alumni dapat menyumbang RM2,000, saya percaya kita akan mencapai sasaran pada hujung tahun ini.

“Usaha kini sedang giat dilaksanakan termasuk oleh Datuk Zaini untuk meningkatkan kutipan ini,” katanya.